



27 OCT, 2022

## KPSB tekad barakan pelapis muda Merah Kuning

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### KPSB tekad barakan pelapis muda Merah Kuning

**KUMPULAN** Perangsang Selangor Berhad (KPSB) terus komited dalam membangunkan bakat muda bola sepak di Selangor apabila sekali lagi menjadi penaja utama kejohanan Piala Datuk Mokhtar Dahari Bawah-18 (B-18), lapor **MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN**.

Pada kejohanan yang sudah memasuki edisi ketujuh, KPSB bersetuju untuk menaja keseluruhan berjumlah RM995,000 sejak mula dipertandingkan pada 2014.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KPSB, Suzila Khairuddin berkata, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pihaknya untuk menganjurkan kejohanan tersebut.

"Kejohanan dan program seperti ini dapat menyumbang kepada matlamat 'Sustainable Development Goals' (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan yang mensasarkan



Suzila (kiri) bersama Emran (dua dari kanan) pada sidang media kejohanan Piala Mokhtar Dahari B-18 di Bangunan Kumpulan Karang kraf pada Rabu. Turut kelihatan Muhammad Nasir (dua dari kiri) dan Hashim Anang (kanan).

jumlah belia mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal yang relevan untuk menggalakkan pembangunan serta gaya hidup mampan.

"Kejohanan bola sepak merupakan satu platform yang baik untuk mencungkil bakat-bakat baharu dan berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat yang

lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media kejohanan Piala Mokhtar Dahari B-18 di Bangunan Kumpulan Karang kraf pada Rabu.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Kumpulan Karang kraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Kejo-

hanan, Datuk Emran Kadir dan Timbalannya, Hashim Anang.

Dalam pada itu, Suzila berkata, menerusi kejohanan tersebut, beberapa pemain bertaraf antarabangsa berjaya dilahirkan antaranya, Nazrin Nasir yang mewakili pasukan Bawah 19 tahun (B-19) negara di kejohanan Piala AFF baru-baru ini.

"Ini bukti bahawa Kejohanan Piala Mokhtar Dahari ini mampu melahirkan ramai pemain pelapis negara dan atlet bertaraf antarabangsa.

"Pencapaian Kejohanan Piala Dato' Mokhtar Dahari ini juga selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ingin melihat Selangor konsisten dalam melahirkan pemain muda berbakat dari peringkat akar umbi," ujarnya.

Suzila turut memaklumkan pihaknya akan terus menjadi penaja utama kejohanan tersebut pada masa akan datang.

"Kami mengambil serius pe-

ranan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan berbangga kerana telah memamerkan komitmen sosial melalui kejohanan serta program seperti ini," katanya.

Sementara itu, Emran berkata, kejuaraan B-18 itu akan disertai oleh 32 pasukan terbaik dalam kalangan sekolah seluruh Selangor.

Katanya, pemilihan sekolah adalah berdasarkan kejayaan pasukan masing-masing di peringkat Majlis Sukan Sekolah Sekolah Daerah (MSSD).

"Idea menganjurkan kejohanan ini dilaksanakan atas titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu melihat Selangor melahirkan bakat-bakat baharu dan pelapis bola sepak pada masa depan.

"Kita juga amat beruntung kerana KPSB terus menyokong sebagai penaja kejohanan dan juga Sinar Harian yang menjadi akhbar rasmi kejohanan," katanya.



27 OCT, 2022

## KPSB tekad barakan pelapis muda Merah Kuning

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUMPULAN Perangsang Selangor Berhad (KPSB) terus komited dalam membangunkan bakat muda bola sepak di Selangor apabila sekali lagi menjadi penaja utama kejohanan Piala Datuk Mokhtar Dahari Bawah-18 (B-18), lapor MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN. Pada kejohanan yang sudah memasuki edisi ketujuh, KPSB bersetuju untuk menaja RM125,000 dengan nilai tajaan keseluruhan berjumlah RM995,000 sejak mula dipertandingkan pada 2014. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KPSB, Suzila Khairuddin berkata, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada pihaknya untuk menganjurkan kejohanan tersebut.